

# JPN tidak patuhi fatwa

## Larangan gabung nama anak, bapa angkat belum dilaksana

Oleh Salina Abdullah  
dan Norfatimah Ahmad  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**N**ILAI: Selepas lapan tahun Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan fatwa mengharamkan penggabungan nama anak angkat dengan nama penuh bapa angkat tanpa menggunakan bin atau binti Abdullah, Jabatan Pendaftaran

“*JPN perlu meminda Akta 253 supaya lebih jelas dan memenuhi hukum syarak*”

**Dr Abdul Shukor Husin**  
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

Negara (JPN) didapati belum mematuhiinya.

Malah, saranan majlis itu supaya Akta Pengangkatan 1952 (Akta 253) dipinda segera supaya tidak bercanggah dengan hukum syarak, juga masih tidak dilaksanakan oleh jabatan berkenaan.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata fatwa itu dike-

luarkan pada 2000 selepas majlis berkenaan mempertimbangkan permohonan JPN untuk membenarkan penggabungan nama anak angkat dengan bapa angkat dalam sijil pengangkatan dan kad pengenalan.

“Walaupun alasan yang diberi untuk menyelesaikan masalah sosial dan

LIHAT MUKA 3



**Abdul Shukor Husin**

# 'Hanya sebahagian digabung'

DARI MUKA 1

perasaan anak serta keluarga angkat, ia bercanggah dengan hukum syarak berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud 'panggil mereka dengan nama bapa mereka'."

"Majlis Fatwa turut menyarankan JPN supaya meminda Akta 253 supaya lebih jelas dan memenuhi hukum syarak," katanya kepada *Berita Harian*.

Ketika ini, pendaftaran nama anak angkat di kalangan keluarga Islam hanya berpandukan garis panduan JPN yang membenarkan keluarga angkat memilih sama ada meletakkan bin atau binti Abdullah atau menggabungkan nama anak angkat dengan mana-mana nama pilihan ibu bapa angkat.

Keadaan ini menyebabkan ramai pasangan Islam cenderung menggabungkan nama anak angkat dengan nama penuh bapa angkat tanpa menggunakan bin atau binti Abdullah.

Abdul Shukor menjelaskan, nama memang tidak semestinya dilengkapi dengan bin atau binti, tetapi hanya sebahagian nama bapa angkat boleh digabung dengan nama anak angkat.

Beliau memberi contoh, jika anak angkat diberi nama Abdul Halim dan bapa angkatnya, Zainal Abidin bin Omar, maka gabungan nama yang dibenarkan tanpa menggunakan bin ialah Abdul Halim Zainal, bukannya Abdul Halim Zainal Abidin.

"Isu ini bukan baru, malah sudah lama dibincangkan kerana ia menimbulkan pelbagai masalah kepada ibu bapa dan anak angkat dari segi pergaulan dalam keluarga angkat, perkahwinan dan harta pusaka," katanya.